

**BUDAYA POLITIK MELAYU
DI SEMENANJUNG MALAYSIA PASCA 1990-AN:
ASAL USUL, KESINAMBUNGAN DAN PERUBAHAN**

oleh

RUSLAN ZAINUDDIN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi ijazah
Doktor Falsafah**

Julai 2011

PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur ke hadrat Ilahi dengan keredhaan-Nya telah memberi petunjuk, kekuatan dan kesabaran dalam menyempurnakan tesis ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Profesor Dr. Francis Loh Kok Wah selaku Penyelia Utama dan Dr. Noreha Hashim selaku Penyelia Bersama di atas segala bimbingan, nasihat dan teguran yang tidak ternilai sepanjang pengajian dan tesis ini disempurnakan. Secara peribadi, saya amat menyanjung tinggi kesabaran yang mereka tunjukkan dalam memberi bimbingan dan dorongan secara berterusan. Tanpa bimbingan dan dorongan sedemikian, kajian ini tidak mungkin dapat diselesaikan. Semoga kedua-dua mereka diberi Tuhan, segala kekuatan, kesihatan yang baik dan kesejahteraan dalam hidup supaya lebih ramai lagi pelajar berpeluang menimba ilmu di bawah bimbingan mereka.

Ucapan terima kasih turut diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Ismail Baba, bekas Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan dan Profesor Madya Dr. Lim Hong Hai, Pensyarah program Sains Politik di pusat pengajian yang sama di atas segala teguran semasa di tahap awal penyediaan cadangan penyelidikan, Dr. Azem Fazwan Ahmad Farouk, selaku Pengerusi Program Sains Politik dan semua pensyarah di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, khususnya program Sains Politik di atas segala kerjasama sepanjang pengajian saya di universiti ini. Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan Profesor Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong, Felo Utama Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia dan Profesor Madya Abdul Rahman Haji Ismail dari Pusat Pengajian Luar Kampus, Universiti Sains Malaysia di atas segala pandangan dan teguran yang membina untuk memperkemas lagi kandungan tesis ini.

Saya mendapat banyak bantuan daripada pelbagai pihak dalam mengumpul bahan untuk kajian ini. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih dihulurkan kepada kakitangan Perpustakaan Hamzah Sendut (Universiti Sains Malaysia), Perpustakaan Tun Seri Lanang (Universiti Kebangsaan Malaysia), Perpustakaan Sultanah Bahiyah (Universiti Utara Malaysia), Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Negara Malaysia. Tidak lupa juga kepada semua responden yang telah memberi kerjasama dan sanggup meluangkan masa untuk ditemubual bagi keperluan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga dihulurkan kepada Universiti Utara Malaysia kerana kelulusan cuti belajar di bawah Skim latihan Akademik Bumiputera (SLAB), serta rakan-rakan yang sering memberi semangat dan dorongan, terutamanya Profesor Teh Yik Khoo, Dr. Radziah Abdul Rahim dan Kolonel (B) Ahmad Ghazali Hassan yang kini bertugas di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Profesor Madya Mohamad Abdad Mohamad Zain, Profesor Madya Abdul Rahim Anuar, Profesor Madya Dr. Azhar Harun, Dr. Rie Nakamura, Dr. Sivaperegasam, Mejar (B) Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, Mohd Mahzan Musa, Muhammad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, Muhammad Fuad Othman, Soo Chong Kim dan Nazariah Osman.

Tidak lupa juga pengorbanan seluruh anggota keluarga, terutamanya kepada isteri, Dr. Rosiatimah Mohd Isa yang sentiasa memberi sokongan moral, serta kedua-dua puteri tercinta, Rus Harlina Razlyn dan Rus Harzira Razreen yang memahami kesibukan papa dalam menyiapkan tesis ini. Tesis ini diabadikan kepada kedua-dua ibubapa saya yang telah lama mengadap Ilahi dan tidak berpeluang untuk melihat saya menimba ilmu sehingga ke peringkat ini. Kepada kedua-dua mereka, Allahyarham Zainuddin Haji Ibrahim dan Allahyarhamah Rogayah Haji Ariffin, serta adik beradik yang lain, pengorbanan anda semua amat bermakna buat saya dan tidak akan dilupakan selagi hayat dikandung badan.

KANDUNGAN

	Halaman
Penghargaan	i
Kandungan	iii
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	viii
Singkatan dan Kependekan	ix
Abstrak	xi

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1	Permasalahan Kajian	1
1.2	Objektif Kajian	4
1.3	Skop dan Jangka Masa Kajian	5
1.4	Sorotan Kajian Terdahulu	7
1.5	Kepentingan Kajian	35
1.6	Metodologi Kajian	36
1.7	Penjelasan Konsep-konsep Asas	41
	1.7.1 Tradisi dan Modenisasi	41
	1.7.2 Budaya Politik	43
	1.7.3 Globalisasi	49
	1.7.4 Kelas dan Kelas Menengah	56
1.8	Penyusunan Bab	63
	Nota Hujung	65

BAB DUA

BUDAYA POLITIK MELAYU DI MALAYSIA

DARIPADA ZAMAN TRADISI KE ERA PASCA 1970-AN

2.1	Pengenalan	71
2.2	Latar belakang Sosio-Politik dan Ekonomi Masyarakat Melayu Tradisi	72
2.3	Budaya Politik Masyarakat Melayu Tradisi	74
2.4	Budaya Politik Melayu Zaman Penjajahan dan Era Sebelum Merdeka	83
2.5	Budaya Politik Melayu Zaman Pasca Merdeka dan Peralihan Dasar Ekonomi Baru	89
2.6	Budaya Politik Melayu era Dasar Ekonomi Baru	93
2.7	Kesimpulan	98
	Nota Hujung	100

BAB TIGA

GLOBALISASI, PERUBAHAN STRUKTUR EKONOMI DAN KEMUNCULAN KELAS MENENGAH PASCA 1970-AN

3.1	Pengenalan	108
3.2	Keterlibatan Malaysia Dalam Arus Globalisasi	110
3.3	Pertumbuhan dan Perubahan Struktur Ekonomi Malaysia, 1957-2000	114
3.3.1	Gambaran Secara Ringkas Makro Ekonomi Malaysia, 1957-2000	115
3.3.2	Perubahan Struktur Ekonomi dan Peralihan ke Sektor Perindustrian	120
3.4	Perubahan Struktur Gunatenaga Selepas Merdeka	127
3.4.1	Perubahan Struktur Gunatenaga dan Proses Perbandaran	127
3.5	Pembentukan dan Perluasan Komposisi Kelas Menengah	132
3.5.1	Pembentukan Kelas Menengah	132
3.5.2	Kemunculan Kelas Menengah di kalangan masyarakat Melayu	138
3.5.3	Perluasan komposisi Kelas Menengah di kalangan masyarakat Melayu	141
3.6	Kesimpulan	147
	Nota Hujung	147

BAB EMPAT

'ISLAM SEBAGAI SATU CARA HIDUP'

CABARAN BARU GERAKAN DAKWAH PASCA 1970-AN

4.1	Pengenalan	150
4.2	Fenomena Kebangkitan Semula Islam	152
4.2.1	Pengertian dan Tafsiran	152
4.2.2	Manifestasi Kebangkitan Semula Islam	155
4.2.3	Generasi Muda dan Kesedaran Beragama	157
4.3	Latar Belakang Kebangkitan Semula Islam di Malaysia	160
4.3.1	Rusuhan Kaum 13 Mei 1969	160
4.3.2	Dasar Ekonomi Baru	162
4.3.3	Kebangkitan Semula Islam dan Kelas Menengah Melayu	164
4.4	Angkatan Belia Islam Malaysia	168
4.4.1	Latar Belakang Penubuhan	168
4.4.2	Ideologi dan Asas Perjuangan	170
4.4.3	Perjuangan untuk merealisasikan Islam sebagai satu cara hidup	172

4.5	Darul Arqam	182
4.5.1	Latar Belakang Penubuhan	183
4.5.2	Ideologi dan Asas Perjuangan	187
4.5.3	Perjuangan untuk merealisasikan Islam sebagai satu cara hidup	190
4.6	Kesimpulan	206
	Nota Hujung	207

BAB LIMA

‘POLITIK, TARBIAH DAN DAKWAH’

PENDEKATAN BARU PAS DI BAWAH KEPIMPINAN ULAMA

5.1	Pengenalan	217
5.2	Latar Belakang Penubuhan dan Perkembangan	218
5.2.1	Sejarah Kemunculan dan Penubuhan	218
5.2.2	Dasar dan Orientasi Perjuangan Politik	220
5.3	Fenomena Kebangkitan Semula Islam	224
5.3.1	Kesedaran Islam UMNO dan Dasar Islamisasi Kerajaan	224
5.3.2	Revolusi Islam Iran dan Kesannya terhadap PAS	228
5.3.3	Respons PAS: Tuntutan Kembali kepada Kepimpinan Ulama	230
5.4	PAS dan Era Kepimpinan Ulama	233
5.4.1	Bermulanya era Kepimpinan Ulama	234
5.4.2	Pembentukan Majlis Syura Ulama	236
5.4.3	Mewujudkan Jawatan Mursyid Am	238
5.4.4	Melaksanakan Program Tarbiah dan Pembudayaan Ilmu	238
5.5	Kepimpinan Ulama dan Pendekatan Baru Politik	241
5.5.1	Membentuk Imej Baru: Parti Politik dan Gerakan Dakwah	242
5.5.2	Menjalinkan Hubungan dengan Masyarakat Bukan Islam	244
5.5.3	Membentuk Pakatan Kerjasama Politik	248
5.6	Kesimpulan	252
	Nota Hujung	254

BAB ENAM

UMNO DAN PERUBAHAN BUDAYA POLITIK MELAYU

PASCA DASAR EKONOMI BARU

6.1	Pengenalan	261
6.2	Perkembangan Politik Selepas Perang Dunia Kedua	264
6.2.1	Penubuhan Parti Politik Berhaluan Kiri dan Perubahan Politik di Tanah Melayu Selepas Perang	266

6.2.2	Gagasan Malayan Union dan Penubuhan UMNO	268
6.2.3	Pemisahan PKMM dan Golongan Berhaluan Kiri daripada UMNO	271
6.2.4	Kerjasama Golongan Berhaluan Kiri dengan Golongan Ulama	273
6.2.5	Perisytiharan Darurat 1948 dan Usaha British Mengukuhkan UMNO	277
6.2.6	Pengukuhan UMNO dan Kuasa Politik Orang Melayu melalui Saluran Perlembagaan	282
6.3	Perubahan Kepimpinan dan Keahlian di dalam UMNO	287
6.3.1	Dekad 1940-an dan 1950-an	287
6.3.2	Dekad 1960-an dan 1970-an	291
6.3.3	Dekad 1980-an dan 1990-an	300
6.4	Penglibatan UMNO dalam Bidang Perniagaan	304
6.4.1	Alasan UMNO terlibat dalam bidang perniagaan	305
6.4.2	Penglibatan UMNO dalam sektor korporat	307
6.4.3	Penaungan dan Kapitalisme Parti	313
6.5	Kemunculan Budaya Politik Baru di dalam UMNO	319
6.5.1	Amalan Politik Wang dan Perebutan Jawatan	321
6.5.2	Penyebaran Surat Layang	327
6.5.3	Amalan Perbomohan	330
6.5.4	Amalan Membentuk Pakatan	334
6.5.5	Amalan Berpuak (<i>factionalism</i>)	336
6.6	Kesimpulan	340
	Nota Hujung	342
 BAB TUJUH		
	Kesimpulan	351
 BIBLIOGRAFI		
		361

SENARAI JADUAL

	Halaman
1.1 Rumusan definisi globalisasi mengikut skop, ciri dan idea	51
3.1 Kadar pertumbuhan tahunan Keluaran Negara Kasar, 1956-2000	116
3.2 Eksport komoditi utama Malaysia, 1960-1985	117
3.3 Peratus sumbangan mengikut sektor industri kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), 1970-2000	120
3.4 Pertumbuhan sektor pembuatan mengikut jenis industri di Malaysia, 1970-80	124
3.5 Sumbangan sektor pembuatan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar, Jumlah eksport kasar, serta kadar pertumbuhan keluaran dan eksport barangan pembuatan	127
3.6 Agihan gunatenaga mengikut sektor, 1957-2000	128
3.7 Peratus penduduk bandar dan luar bandar berbanding dengan jumlah penduduk Malaysia, 1957-2000	130
3.8 Petunjuk sosial kesejahteraan penduduk Malaysia, 1970, 1990 dan 2000	131
3.9 Kategori pekerjaan di Malaysia, 1957-2000	134
3.10 Keanggotaan kelas menengah di Malaysia, 1957-2000	135
3.11 Bilangan pelajar mengikut peringkat pelajaran di institusi pendidikan awam dalam negeri bagi tempoh 1970-2000	136
3.12 Gunatenaga mengikut kaum utama dan kumpulan pekerjaan utama, 1957-1970 (peratus)	142
3.13 Gunatenaga mengikut kaum utama dan kumpulan pekerjaan utama, 1990-2000 (peratus)	143
3.14 Keanggotaan kelas menengah Melayu di Malaysia, 1957-2000	146
4.1 Kurikulum dan tempoh pengajian sistem pendidikan Darul Arqam	195
4.2 Akhbar dan majalah terbitan Darul Arqam	200
6.1 Senarai Syarikat Kawalan Fleet Holdings (sehingga tahun 1990)	310

SENARAI RAJAH

	Halaman
1.1 Metodologi Kajian	37
4.1 Kesatuan ideologi Darul Arqam dalam kehidupan ummah	188
4.2 Kegiatan ekonomi Darul Arqam	198
4.3 Rangkaian kumpulan perniagaan Darul Arqam, 1990	202

SINGKATAN DAN KEPENDEKAN

ABIM	Angkatan Belia Islam
APU	Angkatan Perpaduan Ummah
ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
AUKU	Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971
BCIC	Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
BERJASA	Barisan Jemaah Islamiah Malaysia
BN	Barisan Nasional
BTN	Biro Tatanegara
CCC	Majlis Permuafakatan Cina
CSO	Organisasi Masyarakat Sivil
DAP	Parti Tindakan Rakyat
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
EOI	perindustrian berorientasikan eksport
EPU	Unit Perancangan Ekonomi
FDI	pelaburan asing langsung
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
GPMS	Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung
IPII	Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam
JIM	Jemaah Islah Malaysia
KBI	Koperasi Belia Islam
KDH	Kolej Dar al-Hikmah
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KIMMA	Kongres India Muslim Malaysia
KPGMS	Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung
KUBB	Koperasi Usaha Bersatu Berhad
MADA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MAS	Perkhidmatan Tadbir Melayu
MAYC	Pertubuhan Kelab-Kelab Belia Malaysia
MBM	Majlis Belia Malaysia
MCA	Persatuan Cina Malaysia
MCKK	Maktab Melayu, Kuala Kangsar
MCS	Perkhidmatan Tadbir Tanah Melayu
MIC	Kongres India Malaysia
MNC	syarikat pelbagai bangsa
NasMA	Parti Nasionalis Malaysia

NGO	organisasi bukan kerajaan
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PBMUM	Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
PERNAS	Perbadanan Nasional
PIP	Pelan Induk Perindustrian
PKPIM	Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPP	Parti Progresif Rakyat
PRU	Pilihan raya umum
PSRM	Parti Sosialis Rakyat Malaya
PTD	Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik
RIDA	Lembaga Kemajuan Perusahaan Luar Bandar
SCA	Persatuan Cina Sabah
SDP	Parti Sosialis Demokrat
SNAP	Parti Kebangsaan Sarawak
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPVM	Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SUPP	Parti Rakyat Bersatu Sarawak
UDA	Lembaga Pembangunan Bandar
UEM	United Engineers (Malaysia) Sdn Bhd
UMNO	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
USIA	Pertubuhan Islam Sabah Bersatu
USNO	Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu

**BUDAYA POLITIK MELAYU
DI SEMENANJUNG MALAYSIA PASCA 1990-AN:
ASAL USUL, KESINAMBUNGAN DAN PERUBAHAN**

ABSTRAK

Tesis ini bertujuan untuk mengkaji asal usul, kesinambungan dan perubahan dalam budaya politik Melayu di Semenanjung Malaysia pasca 1990-an sebagai fokus kajian. Tesis ini cuba meneliti perkaitan di antara kelas menengah Melayu yang dihasilkan melalui pelbagai program yang dilaksanakan menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB) sejak 1970-an, dengan perubahan politik yang berlaku dalam masyarakat Melayu kini. Metodologi yang digunakan ialah melalui kaedah perpustakaan dan temubual. Data kajian ini dianalisis secara kualitatif. Pendekatan kajian bersifat analisis deskriptif dan interpretasi kritikal, terutamanya dalam meneliti data-data yang ada hubungan dengan latar belakang perubahan masyarakat. Skop kajian dibataskan kepada dua buah gerakan sosial yang bergerak atas landasan dakwah dan parti politik. Gerakan sosial itu ialah Darul Arqam dan Angkatan Belia Islam (ABIM), manakala parti politiknya ialah Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan UMNO.

Hasil kajian ini mendapati bahawa budaya politik Melayu di Semenanjung Malaysia telah mengalami satu proses transformasi, seiring dengan perubahan pesat yang sedang berlaku dalam masyarakat Melayu itu sendiri. Jika pada zaman tradisi, sebelum merdeka dan dekad terawal selepas merdeka, budaya politik Melayu masih terikat dengan ciri-ciri feodal, namun sejak pasca 1970-an, akibat komposisi kelas menengah Melayu yang semakin melebar, ikatan itu mulai longgar. Jika sebelumnya, sebahagian besar orang Melayu menganggap persoalan politik hanyalah urusan orang politik sahaja, tetapi keadaan itu telah mula berubah. Globalisasi, perubahan struktur ekonomi dan kemunculan kelas menengah merupakan di antara faktor utama yang

berperanan dalam mengubah budaya politik Melayu. Semasa era kebangkitan semula Islam di Malaysia, berlaku satu kebangkitan di kalangan masyarakat Melayu menerusi gerakan dakwah yang didukung oleh kelas menengah untuk menawarkan pendekatan Islam sebagai alternatif kepada cara hidup dan sistem politik yang ada, sebagai respons kepada kaedah pembangunan dan perjalanan politik negara yang berlandaskan sistem sekular. PAS dalam era kebangkitan semula Islam telah menyaksikan berlakunya transformasi secara besar-besaran, dengan golongan ulama yang didukung oleh kelas menengah telah mengambil alih kepimpinan parti. Di bawah kepimpinan ulama, PAS memulakan satu pendekatan baru dengan menggabungkan politik dan kegiatan dakwah. Melalui pendekatan baru ini, PAS menjadikannya sebagai satu strategi untuk mendekati masyarakat, termasuk bukan Islam untuk menonjolkan kesejagatan nilai-nilai Islam yang boleh dikongsi bersama dalam masyarakat berbilang kaum seperti di Malaysia. Sementara itu, perkembangan pesat ekonomi dan penglibatan dalam bidang perniagaan telah mengubah imej UMNO menjadi sebuah 'parti korporat'. Seiring itu, secara perlahan-lahan UMNO mula dibolosi oleh kebanjiran golongan usahawan dan korporat yang melihat parti sebagai saluran untuk menjana kekayaan dan kemewahan dalam hidup. Perkembangan ini menyebabkan UMNO mula terpalit dengan pelbagai gejala negatif yang menghancurkan asas dan tunjang kekuatan parti daripada dalam. Bagi kebanyakan orang Melayu, UMNO adalah parti untuk orang kaya yang tidak lagi memperjuangkan agama Islam dan kepentingan orang Melayu secara keseluruhan. Akibatnya masyarakat Melayu yang mencari alternatif lain mula mendekati PAS yang semakin bersikap terbuka dan bersedia menerima kehadiran kaum bukan Melayu untuk bekerjasama berlandaskan kesejagatan prinsip yang boleh dikongsi bersama.

**MALAY POLITICAL CULTURE IN PENINSULAR MALAYSIA
IN THE POST 1990'S:
ORIGINS, CONTINUITIES AND CHANGES**

ABSTRACT

This thesis analyses the origins, continuities and changes of the Malay political culture in Peninsular Malaysia in the post 1990's as a focus of its study. This study attempts to examine the relationship between the Malay middle class which has been created through various New Economic Policy (NEP) programs since the 1970s with the current political changes in the Malay community. The methodology used in this thesis is library research. Interviews have also been conducted to derive data. This data is analysed qualitatively. The research approach undertaken is descriptive analysis and interpreted critically, especially when examining data related to the social structure and changes in society. The scope of the study focuses on two social organizations, ie the *dakwah* movements and the political parties. *Darul Arqam* and *Angkatan Belia Islam Malaysia* (ABIM) are chosen to represent the *dakwah* movement, while *Parti Islam Se-Malaysia* (PAS) and UMNO are the political parties selected.

The research outcome indicates that Malay political culture in Peninsular Malaysia has undergone a process of transformation along with the rapid socio-economic changes within Malay society. In the pre-colonial period, before independence and early decade of independence, the Malay political culture was still tied up to the feudal character of the Malay polity. However, since 1970s and onwards, due to the expansion and consolidation of Malay middle class, much change has occurred. In the past, to the majority of Malays, political matters should be left to the political elites. However, as a result of globalization, economic

structural change and the emergence of the Malay middle class, the elites' hold over politics and society has loosened. The Islamic resurgence era in Malaysia led by the Malay middle class offers an alternative Islamic based approach to the existing way of life and secular political system. In this period, PAS also witnessed a major transformation, wherein a middle class *ulama* group gradually took over party leadership and initiated a new strategy that combined politics and *dakwah* activities. Using the new strategy, PAS reached out to the multi-cultural Malaysian society, by highlighting the universality of Islamic values. Meanwhile, rapid economic development and business involvement also changed UMNO that increasingly projected the image of a 'corporate party'. Increasingly entrepreneurs and corporate classes flooded into UMNO, contributing to the view that UMNO is a means towards obtaining wealth and luxury. Indeed these developments resulted in several negative trends within UMNO shaking its original strong foundation. Nowadays, UMNO is perceived by many as a political party for wealthy people and that it no longer champions the interests of Islam and Malays as a whole. As a result, Malays looking for alternatives began to approach PAS which apparently was receptive and even willing to cooperate with non-Malays on the basis of common universal principles.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Keputusan pilihan raya umum ke-12 merupakan *tsunami*¹ politik yang mengejutkan ramai pihak apabila Barisan Nasional (BN)² yang memerintah Malaysia sejak merdeka gagal mengekalkan majoriti dua pertiganya di Parlimen.³ Dalam pilihan raya itu, BN hanya memenangi 140 daripada 222 kerusi yang dipertandingkan dengan selebihnya dikuasai oleh pakatan parti pembangkang yang dianggotai oleh Parti Tindakan Rakyat (DAP), Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR).⁴ Sementara itu di peringkat negeri, empat buah negeri telah jatuh kepada parti pembangkang, iaitu Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Selangor,⁵ manakala Kelantan terus kekal di bawah kekuasaan PAS. Keputusan ini bukan sahaja seolah-olah mengulangi prestasi buruk parti pemerintah dalam pilihan raya umum 1969,⁶ malah merupakan pencapaiannya yang terburuk dalam sejarah pilihan raya umum sejak merdeka.

Pelbagai ulasan telah dibuat berhubung dengan keputusan pilihan raya itu. Ada yang menyalahkan Perdana Menteri (ketika itu), Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana didakwa gagal menunaikan pelbagai janjinya kepada rakyat⁷ setelah meraih kemenangan besar dalam pilihan raya umum tahun 2004.⁸ Ada yang menghubungkan keputusan itu dengan tekanan hidup yang makin mendesak ekoran jangkaan kenaikan harga minyak, serta pelbagai alasan lain yang dikaitkan dengan faktor ekonomi.⁹ Ada pula yang menuding jari kepada UMNO kerana tidak memanfaatkan sebaik mungkin penggunaan media baru sebagai alat berkempen seperti yang dilakukan oleh parti-parti pembangkang.¹⁰ Sementara di pihak lain, ada yang mentafsir keputusan itu ada kaitan-

nya dengan undi protes di kalangan generasi muda, khususnya di bandar-bandar yang mengundi buat kali pertama dalam pilihan raya itu.¹¹

Di sebalik semua alasan di atas, faktor utama yang sering disebut dalam semua penulisan ialah perubahan sikap orang Melayu yang telah menolak BN, terutamanya UMNO¹² dengan beralih kepada parti pembangkang. Ekoran perkembangan itu, orang Melayu dikatakan sudah berpecah kerana mereka kini tidak lagi memberi sokongan kepada UMNO.¹³ Justeru itu ‘nasib’ dan ‘masa depan’ orang Melayu dianggap sudah mula terancam. Perasaan ‘keresahan’ orang Melayu ini telah cuba disebar dengan seluas mungkin. Dalam beberapa minggu selepas pilihan raya, akhbar-akhbar arus perdana dalam bahasa Melayu telah memainkan sentimen kaum dengan membangkitkan apa juga isu yang didakwa boleh mengugat kepentingan orang Melayu di negeri-negeri yang dikuasai oleh pakatan pembangkang.¹⁴ Pada masa yang sama, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), sebuah organisasi di bawah Kementerian Pelajaran telah menerbitkan edisi khas majalah *Dewan Masyarakat* bulan April 2008 untuk meneliti ‘nasib orang Melayu’ di negeri-negeri yang kini dikuasai oleh pakatan pembangkang. Manakala Biro Tata Negara (BTN) yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri telah menjadikan isu ‘perpecahan’ orang Melayu sebagai tajuk dalam kursus-kursus kenegaraan yang dikendalikan sebagai usaha untuk memujuk orang Melayu kembali semula menyokong UMNO.¹⁵

Sebenarnya ini bukanlah kali pertama isu perpecahan orang Melayu dibangkitkan, malah isu yang sama pernah disuarakan selepas pilihan raya umum 1999 apabila UMNO tumpas di kawasan yang majoriti pengundinya adalah orang Melayu.¹⁶ Begitu juga setelah tercetusnya krisis dalaman UMNO pada tahun 1987 dan penubuhan Parti

Semangat 46,¹⁷ isu yang sama ditonjolkan semula. Pendek kata, setiap kali UMNO berhadapan dengan masalah yang menjadikan parti itu lemah sehingga gagal menarik sokongan orang Melayu, maka kedengaranlah isu ‘perpecahan orang Melayu’ yang diiringi oleh paluan besar-besaran supaya orang Melayu kembali semula bersatu di bawah UMNO atas nama ‘perpaduan Melayu.’¹⁸

Persoalan asasnya di sini, adakah benar bahawa orang Melayu telah berpecah?, atau pihak yang berpecah hanyalah UMNO kerana ramai penyokong parti itu telah berpaling tadah dengan beralih ke parti lain. Adakah penghakisan sokongan kepada UMNO memberi gambaran bahawa orang Melayu sudah berpecah? Sebaliknya PAS yang bertanding dalam pilihan raya umum sejak tahun 1955, walaupun sering kalah dalam setiap pilihan raya, tidak pula pernah membangkitkan soal perpecahan orang Melayu. Adakah kerana UMNO sebagai parti politik terbesar orang Melayu, maka apa juga yang berlaku kepada parti itu, termasuk penghakisan sokongan kepadanya harus ditafsir sebagai ‘perpecahan orang Melayu’? Mungkinkah ada cara lain yang boleh dijadikan sandaran untuk menjelaskan mengapa tercetusnya fenomena ini? Mungkin juga soal perpecahan sebenarnya tidak timbul kerana orang Melayu sememangnya sudah mula berubah seiring dengan peredaran masa hasil pelbagai usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi mereka sejak dekad 1970-an? Jika benar anggapan ini, maka apakah faktor yang mendasari perubahan itu? Bagaimanakah perubahan itu telah menghasilkan struktur sosial masyarakat Melayu yang baru sehingga mengubah budaya politik tradisi yang diwarisi dan mencetuskan perubahan dalam politik Melayu dalam alaf baru ini. Bertitik tolak dari sini, maka tesis ini bertujuan untuk mengkaji persoalan ini dengan lebih mendalam.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Tesis ini bertujuan untuk mengkaji perubahan yang berlaku dalam budaya politik Melayu di Semenanjung Malaysia pasca 1990-an sebagai fokus kajian. Kajian ini cuba meneliti perkaitan di antara kelas menengah Melayu yang dihasilkan melalui pelbagai program yang dilaksanakan menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan perubahan politik yang berlaku dalam masyarakat Melayu kini, iaitu penghakisan sokongan rakyat, terutamanya orang Melayu kepada UMNO. Tesis ini akan memberi tumpuan kepada enam soalan berikut bagi memenuhi objektif kajian di atas, iaitu:

- (a) Apakah bentuk ciri-ciri budaya politik Melayu pada zaman tradisi, penjajahan dan pasca merdeka, serta bagaimanakah budaya politik itu telah berubah dari segi nilai asas dan orientasi politik?
- (b) Sejauh manakah perkembangan pesat ekonomi dan perubahan struktur ekonomi Malaysia sejak merdeka telah menghasilkan pembentukan dan perluasan saiz kelas menengah di kalangan masyarakat Malaysia amnya dan masyarakat Melayu secara khusus, terutamanya selepas pelaksanaan DEB?
- (c) Apakah peranan kelas menengah Melayu yang dihasilkan melalui DEB dalam era kebangkitan semula Islam di Malaysia? Apakah yang mereka perjuangkan? Apakah yang ingin diperlihatkan melalui perjuangan mereka itu terhadap kerajaan yang didukung oleh kepimpinan UMNO?
- (d) Apakah respons PAS dalam era kebangkitan semula Islam di Malaysia? Apakah peranan golongan ulama dalam parti yang didukung oleh kelas menengah dalam menghadapi fenomena itu? Apakah pembaharuan yang diperkenalkan? Apakah pendekatan yang diambil oleh kepimpinan parti dalam menghadapi perubahan yang sedang berlaku di sekeliling?

- (e) Apakah kesan kemunculan kelas menengah Melayu yang dihasilkan oleh DEB terhadap UMNO? Apakah bentuk budaya politik baru yang muncul, akibat kebanjiran mereka, terutamanya di kalangan golongan usahawan dan korporat Melayu di dalam UMNO?
- (f) Apakah yang dapat dirumuskan daripada penemuan di atas terhadap perubahan budaya politik Melayu di Semenanjung Malaysia dan perkembangan politik Melayu secara keseluruhan?

1.3 SKOP DAN JANGKAMASA KAJIAN

Walaupun tidak dapat dinafikan sepanjang tempoh 40 tahun selepas DEB diperkenalkan, terdapat pelbagai peristiwa dan pergolakan penting yang berlaku di dalam masyarakat Melayu, namun kajian ini tidak mungkin dapat mengambil kira semuanya. Justeru itu, disebabkan oleh faktor kekangan masa dan kewangan, maka skop kajian ini hanya dibataskan kepada dua buah gerakan sosial yang bergerak di atas landasan dakwah dan parti politik. Gerakan sosial yang dimaksudkan itu ialah Darul Arqam dan Angkatan Belia Islam (ABIM), manakala parti politik tersebut ialah Parti Islam Semenanjung Malaysia (PAS) dan UMNO.

Pemilihan Darul Arqam dan ABIM dibuat kerana kedua-duanya bukan sahaja merupakan gerakan dakwah yang terawal muncul semasa era kebangkitan Islam mula melanda Malaysia awal dekad 1970-an, tetapi juga menjadi pelakunya yang penting. Malah dalam semua wacana atau kajian yang berkaitan tentang kebangkitan Islam di Malaysia, tidak ada satupun yang tidak menyentuh peranan kedua-dua kumpulan ini dalam penulisan mereka.¹⁹ Pendek kata, walaupun ada beberapa gerakan dakwah lain

yang muncul dalam era tersebut seperti Jamaat Tabligh, Jemaah Islah Malaysia (JIM) dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), tetapi peranan dan penglibatan kedua-dua kumpulan ini dilihat lebih tertonjol.

Sementara itu, pemilihan UMNO dan PAS bagi mewakili parti politik Melayu dianggap amat sesuai kerana kedua-duanya bukan sahaja merupakan parti politik Melayu yang terbesar, malah telah lama bertapak di Malaysia, iaitu melebihi 50 tahun. Cuma apa yang membezakan kedua-dua parti ini hanyalah UMNO berada di pihak parti pemerintah, manakala PAS pula adalah parti pembangkang. Berasaskan alasan di atas, maka pemilihan Darul Arqam, ABIM, PAS dan UMNO untuk kajian ini dilihat amat *significance* dan dapat mewakili segmen yang lebih besar di kalangan masyarakat Melayu di Malaysia secara keseluruhan.

Jangka masa kajian ini dibataskan di antara tahun 1970 dan 1990, iaitu dalam tempoh pelaksanaan DEB. Tahun 1970 menjadi titik awal kajian kerana ketika inilah bermulanya usaha kerajaan untuk membaiki kedudukan sosio-ekonomi orang Melayu melalui pelbagai program di bawah DEB, manakala tahun 1990 pula dipilih sebagai penutup kajian kerana tahun itu menandakan berakhirnya tempoh pelaksanaan DEB. Justeru itu, jangka masa ini dilihat amat sesuai untuk meneliti sebarang perubahan yang berlaku dalam masyarakat Melayu secara keseluruhan. Namun perlu ditegaskan bahawa tempoh ini bukanlah kata putus penamat secara mutlak kerana kajian ini juga akan turut juga menyentuh peristiwa-peristiwa dan perkembangan politik yang telah berlaku secara amnya sehingga 2008, sekiranya dilihat ada hubungan secara langsung dengan objektif tesis ini.

1.4 SOROTAN KAJIAN TERDAHULU

Masyarakat Melayu telah mengalami perubahan besar sejak akhir abad ke-19 apabila penjajah British mula menguasai Tanah Melayu (kini Malaysia) dan memperkenalkan sistem ekonomi kapitalis. Perubahan ini telah menjadi semakin pesat selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, terutamanya setelah DEB dilaksanakan dan dasar perindustrian yang berorientasikan eksport mula dilaksanakan. Hasil pelbagai langkah afirmatif yang dilaksanakan oleh kerajaan, terutamanya melalui program penyusunan semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan, masyarakat Melayu telah berubah daripada masyarakat tani di desa kepada masyarakat industri di bandar. Seiring dengan perubahan pesat masyarakat Malaysia secara keseluruhan, kelas-kelas baru telah muncul dalam masyarakat Melayu seperti kelas usahawan, kelas menengah baru (seperti pengurus dan pentadbir) dan kelas pekerja. Kelas-kelas ini muncul serentak dengan kelahiran kelas-kelas dalam masyarakat Malaysia yang lain, khususnya kaum Cina sehingga menjadikan ciri kelas-kelas itu semakin bersifat pelbagai kaum. Semua perubahan ini berlaku hasil daripada proses pemodenan yang melanda masyarakat Malaysia secara keseluruhan, termasuk di kalangan masyarakat Melayu.

Pelbagai kajian telah dibuat untuk meneliti proses pemodenan yang melanda masyarakat Melayu, terutamanya setelah kelas menengah dan kelas usahawan Melayu muncul selepas merdeka. Persoalan ini telah menarik perhatian ramai pengkaji, sama ada di peringkat tempatan mahupun luar negeri yang mengkajinya dari pelbagai sudut. Perbincangan ini tidak bertujuan untuk meneliti kesemua kajian itu, tetapi memadai dengan memberi tumpuan kepada beberapa kajian yang ada hubungan dengan tesis ini, iaitu tentang kelas menengah dan peranannya dalam proses politik di Malaysia.

Persoalan tentang kelas menengah Melayu sebenarnya telah lama menarik minat para pengkaji sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Pada peringkat awalnya kebanyakan tulisan ini berbentuk penulisan popular dan lebih bercorak umum yang tersiar dalam akhbar dan majalah. Persoalan yang dibangkitkan lebih menjurus kepada keinginan untuk mewujudkan dan meluaskan keanggotaan kelas menengah Melayu. Ini kerana kehadiran mereka di kalangan masyarakat dianggap amat penting untuk berperanan dalam mencetuskan kesedaran politik, memperjuangkan kepentingan dan mengubah pemikiran orang Melayu yang ketika itu sedang menghadapi masalah penghijrahan kaum bukan Melayu yang bilangannya semakin ramai. Justeru itu penulisan yang dihasilkan lebih menekankan kepada keperluan untuk mempercepatkan proses pemodenan dan perubahan sosial di kalangan orang Melayu. Usaha ini dilakukan melalui bidang pendidikan dan seruan ke arah perubahan sikap bagi mengeneipkan nilai-nilai, adat resam dan kepercayaan yang bercanggah dengan ajaran Islam, serta menghalang kemajuan orang Melayu. Usaha ini diharap dapat memberi sumbangan dalam meningkatkan taraf sosio-ekonomi orang Melayu supaya kedudukan mereka setanding dengan kaum-kaum lain di Tanah Melayu.

Perbincangan yang menekankan kepada persoalan seperti ini banyak ditemui dalam penulisan yang dihasilkan oleh golongan reformis agama yang tersiar dalam beberapa majalah seperti *al-Imam*, *Neracha*, *Pengasuh* dan *al-Ikhwan* sekitar tahun 1920-an dan 1930-an. Persoalan yang sama juga dibicarakan oleh golongan wartawan dan intelektual Melayu seperti Abdul Rahim Kajai dan Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) dalam akhbar *Majlis*, *Saudara*, *Warta Malaya*, *Utusan Melayu* dan *Malay Mail* sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua.²⁰ Usaha mereka ini didorong oleh perasaan bimbang terhadap hak dan kepentingan orang Melayu yang dilihat semakin

terancam akibat kemasukan beramai-ramai kaum bukan Melayu melalui dasar pintu terbuka yang diamalkan oleh penjajah British (Roff, 1994:56-75).

Persoalan tentang kelas menengah ditimbulkan semula selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua sehingga pertengahan tahun 1960-an, tetapi tumpuan kini diberi kepada desakan untuk mewujudkan kelas menengah usahawan Melayu yang dilihat boleh membuka ruang kepada penglibatan orang Melayu yang lebih luas dalam sektor ekonomi. Dalam kongres UMNO pada tahun 1949, para perwakilan telah mendesak kerajaan British supaya memperbaiki kedudukan ekonomi orang Melayu dengan cara menambah bilangan usahawan dan peniaga kecil Melayu. Mereka berpendapat cara ini dapat membantu untuk mencapai kuasa ekonomi Melayu dalam bidang perniagaan (Chandra Muzaffar, 1977:11). Pada tahun 1953, Ismail Mohd Ali²¹ menulis satu makalah yang bertajuk *A Memorandum on the Economic Position of the Malays*. Dalam makalah ini, beliau mengungkapkan pelbagai masalah ekonomi yang dihadapi orang Melayu seperti penguasaan orang tengah Cina di luar bandar, pemasaran hasil pertanian dan penglibatan orang Melayu dalam bidang ekonomi. Ismail juga turut menekankan tentang perlunya dibanyakkan bilangan usahawan Melayu sebagai usaha untuk meningkatkan penglibatan orang Melayu dalam kegiatan ekonomi.²²

Puthucheary (1984:218) dan Jesudason (1989:51) pula membicarakan tentang sekumpulan kecil kelas menengah Melayu yang muncul menjelang pertengahan dekad 1960-an dan mula berperanan sebagai kumpulan pendesak. Golongan ini yang terdiri daripada pentadbir, ahli politik dan ahli perniagaan mendesak kerajaan supaya campur tangan secara langsung dalam kegiatan ekonomi bagi membolehkan orang Melayu turut menikmati faedah daripada kekayaan ekonomi negara. Hasil desakan mereka ini,

dua Kongres Ekonomi Bumiputera telah dianjurkan oleh kerajaan, iaitu pada tahun 1965 dan 1968 yang dikatakan telah menyumbang (secara langsung atau sebaliknya) kepada proses pengubalan DEB pada tahun 1970. Selepas akhir tahun 1960-an, tidak banyak diperkatakan tentang kelas menengah Melayu, kecuali berkisar dasar kerajaan untuk mewujudkan golongan masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan kaum Bumiputera seperti yang ditekankan oleh DEB dan rancangan pembangunan lima tahun kerajaan. Keadaan ini berlarutan sehingga awal tahun 1990-an, apabila persoalan tentang kelas menengah mula diberi perhatian semula oleh para pengkaji.

Sepanjang dekad 1970 sehingga awal tahun 1990-an, kebanyakan kajian yang dihasilkan di Malaysia lebih berkisar sekitar tema-tema yang muncul selepas merdeka seperti kemiskinan, pembangunan dan kemunduran, hubungan dan perpaduan kaum, perkauman, ketidaksamarataan ekonomi antara kaum, kepimpinan, kebangkitan Islam, dasar awam dan sebagainya. Di sebalik lambakan kajian yang membicarakan tema-tema ini, tidaklah bermakna kajian-kajian tentang kelas menengah terus diabaikan langsung seperti yang didakwa oleh Kahn (1996b:49). Apa yang berlaku sebenarnya ialah kebanyakan kajian yang dihasilkan dalam tempoh ini tidak menjuruskan kepada kelas menengah secara khusus. Sebaliknya soal itu terus dibincangkan, tetapi dalam bentuk tema dan konsep yang lebih luas dan umum seperti kelas, etnisiti, kepelbagaian (Chandra Muzaffar, 1984 dan Kahn, 1992), kemodenan, *subalternity* dan jati diri (Kahn, 1994 dan Kessler, 1992), transformasi, pemodenan dan agraria (Shamsul, 1986 dan Stivens, Cecilia Ng & Jomo, 1994), perubahan gender dan sosial (Wazir Jahan Karim, 1990), agama dan modenisasi (Ong, 1995 dan Shamsul, 1995), serta kajian-kajian lain yang seumpamanya. Pendek kata, dakwaan bahawa terdapatnya ‘lambakan kajian tentang kaum tani, wanita kilang, etnisiti dan Islam’ (Kahn, 1996a:49) sehingga

mengabaikan persoalan tentang kelas menengah dirasakan tidaklah begitu tepat. Perbincangan berikut akan cuba menjelaskan perkara ini dengan lebih lanjut.

Selepas pertengahan tahun 1970-an, beberapa kajian bercorak akademik yang membincangkan kelas menengah di Malaysia secara khusus mula mengambil tempat. Secara umumnya kajian-kajian ini dapat dibahagikan ke dalam dua kategori. Pertama, kajian tentang kelas menengah pentadbir Melayu yang dibentuk semasa penjajahan British dan beberapa dekad terawal selepas merdeka. Kajian-kajian ini menyentuh asal usul, perkembangan dan komposisi sosial kelas menengah pentadbir, peranan dalam nasionalisme Melayu semasa penjajahan British, selepas merdeka dan semasa proses Malayanisasi (dasar yang menggantikan pegawai British dengan rakyat tempatan), serta gaya hidup pentadbir Melayu yang menggantikan pentadbir British. Kesemua kajian ini dilakukan akhir tahun 1960-an dan 1970-an. Kedua, kajian yang meneliti kesan perubahan struktur ekonomi negara dan peralihan ke sektor perindustrian ke atas struktur sosial masyarakat dengan memberi tumpuan kepada proses transformasi sosial dan pertumbuhan kelas menengah, termasuk kelas menengah baru yang muncul selepas era DEB. Kajian ini meneliti perubahan struktur sosial masyarakat akibat pertumbuhan pesat ekonomi dan proses perindustrian, peranan pemerintah dalam pembentukan kelas, pertumbuhan dan perkembangan kelas menengah, komposisi etnik mereka, serta kesan terhadap proses pendemokrasian dan perpaduan kaum.

Seperti disebut di atas, kelas menengah Melayu, khasnya kelas pentadbir telah muncul sejak zaman penjajahan dalam bilangan yang amat kecil, iaitu 25 orang pada tahun 1940, bertambah kepada 106 orang tahun 1956, seterusnya 706 orang tahun 1968 dan 1,137 orang pada tahun 1974 (Nordin Selat, 1976:146). Kelas ini hanya

berkembang pesat setelah pelaksanaan DEB dan perubahan struktur ekonomi ke sektor perindustrian yang bermula tahun 1970-an. Ini bermakna kelas pentadbir adalah kelas menengah yang penting dalam masyarakat Melayu ketika itu. Bertitik tolak dari sini, kebanyakan kajian yang dilakukan tahun 1970-an lebih tertumpu kepada kelas pentadbir. Antaranya ialah kajian Khasnor Johan (1984) yang diajukan bagi keperluan ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang sejarah di Universiti Monash, Australia. Kajian ini bertujuan untuk meneliti kemunculan elit pentadbir Melayu moden dengan merujuk kepada kelas pentadbir Melayu yang bermula setelah penubuhan Perkhidmatan Tadbir Melayu (MAS) pada tahun 1910. MAS adalah skim perkhidmatan yang dikhaskan untuk pentadbir Melayu sebelum mereka berpeluang memasuki perkhidmatan tadbir British yang lebih berprestij, iaitu Perkhidmatan Tadbir Malaya (MCS) yang kini dikenali sebagai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD).

Menurut Khasnor, skim MAS dibentuk dengan tujuan untuk menarik anak-anak golongan bangsawan Melayu berkhidmat sebagai pegawai bawahan dalam skim perkhidmatan penjajah British. Kriteria asas bagi menyertai skim ini ialah pendidikan Inggeris yang ditawarkan melalui peluang belajar di Maktab Melayu, Kuala Kangsar (MCKK). Pelajaran di MCKK bermula daripada darjah satu sehingga darjah tujuh. Selepas itu, ada tambahan selama tiga tahun untuk mereka yang berminat berkhidmat dengan kerajaan melalui skim MAS. Dari segi jumlah, bilangan mereka yang diambil berkhidmat dalam skim MAS ini sangat kecil, iaitu dari 55 orang pada tahun 1916, bertambah kepada 78 orang tahun 1928 dan 105 orang (termasuk empat pegawai percubaan) tahun 1940 berbanding dengan 120 orang pegawai British dalam MCS (Khasnor, 1984:104). Daripada jumlah ini, bilangan pegawai yang dinaikkan pangkat ke skim MCS juga kecil, iaitu hanya seorang tahun 1921 dan meningkat sehingga 106

orang tahun 1956. Menurut Khasnor, walaupun peluang pegawai MAS untuk naik ke tahap yang lebih tinggi dalam perkhidmatan kerajaan amat terbatas, tetapi golongan ini mempunyai pengaruh yang kuat dan dipandang tinggi dalam masyarakat Melayu. Mereka menjadi perantara di antara masyarakat Melayu dengan pihak berkuasa dan menjadi pemimpin baru menggantikan pemimpin tradisi dalam masyarakat Melayu.

Selain Khasnor, satu lagi kajian yang memberi perhatian khusus kepada kelas menengah pentadbir Melayu ialah kajian Nordin Selat (1976) yang dibuat pada awal 1970-an bagi keperluan ijazah Ph.D dalam bidang sosiologi di Universiti Malaya. Tujuan kajian Nordin ialah untuk memberi gambaran sosial yang lebih menyeluruh tentang kelas pentadbir Melayu yang diwarisi daripada zaman penjajah. Kajian ini menggunakan data sekunder yang diperoleh daripada rekod dan bahan-bahan bertulis yang telah diterbitkan, serta data mentah yang dikutip melalui temubual, soal selidik dan pengamatan. Kajian ini menyentuh latar belakang sosio-ekonomi dan nilai-nilai budaya, termasuk gaya hidup, kediaman, kegiatan masa lapang dan pola perbelanjaan berasaskan sampel yang berjumlah 105 orang pegawai Melayu tingkatan tertinggi MCS yang bekerja di Kuala Lumpur. Mereka berumur antara 29 dan 54 tahun dengan 76.2 peratus sekurang-kurangnya berkelulusan ijazah pertama. Majoriti mereka (66.4 peratus) berasal daripada kelas bawahan dengan ibubapa mendapat pendidikan, sama ada setakat sekolah Melayu, sekolah agama atau buta huruf. Latar belakang keluarga juga berbeza, bermula daripada anak kaum bangsawan sehinggalah kepada keluarga petani, kerani dan guru sekolah Melayu, dan lebih separuh daripadanya adalah anak tunggal dalam keluarga yang berpeluang belajar sehingga ke peringkat universiti.

Dari segi gaya hidup, Nordin menyifatkan kelas menengah pentadbir ini telah banyak diresapi oleh corak hidup kebaratan dalam apa yang diistilahkan sebagai 'manusia dua kerat' (Nordin, 1976:345-346). Mereka tinggal di kuarters kerajaan atau rumah bangalow milik sendiri yang agak terpencil. Semuanya berkahwin dan mempunyai bilangan anak di antara dua hingga tiga orang dan memiliki kenderaan sendiri (40 peratus lebih daripada sebuah kereta). 65.7 peratus membaca bahan bacaan utama dalam bahasa Inggeris seperti *Newsweek*, *Far Eastern Economic Review*, *Economist*, *Reader's Digest* dan *Malaysian Business*. Kegiatan masa lapang tertumpu kepada bermain golf dan menganggotai kelab-kelab golf dan rekreasi yang eksklusif. Lebih 95 peratus gemar melancong dan pernah melawat ke luar negeri. Tajuk perbualan harian berkisar peluang kenaikan pangkat, mengiringi lawatan menteri ke luar negeri, atau mendapat bintang kebesaran negara, golf, kereta, serta kisah steno dan setiausaha masing-masing. Secara keseluruhannya walaupun kajian Nordin merupakan satu kajian perintis, tetapi mengandungi banyak maklumat yang tidak diketahui umum tentang kehidupan sosial kelas menengah pentadbir. Namun kajian ini lebih bercorak deskriptif dan tidak banyak menyumbang kepada pembinaan atau pengukuhan teori. Di sebalik kekurangan itu, kajian ini merupakan sumber rujukan yang berguna untuk mengkaji kelas menengah pentadbir Melayu yang diwarisi daripada zaman penjajah.

Dalam satu kajian lain yang diterbitkan akhir tahun 1970-an, Nordin Selat (1978) cuba meneliti imej kelas menengah pentadbir Melayu yang digambarkan dalam cerpen-cerpen Melayu yang tersiar dalam *Berita Harian*, *Berita Minggu* dan *Utusan Zaman* selama sepuluh tahun dari tahun 1955-65. *Berita Harian* adalah akhbar harian, manakala *Berita Minggu* dan *Utusan Zaman* ialah akhbar mingguan yang mempunyai jumlah pembaca yang ramai di kalangan orang Melayu. Kajian ini bercorak deskriptif

dengan data-datanya dihuraikan melalui analisis kandungan. Nordin mendapati ada 41 daripada 1,300 cerpen yang disiarkan dalam tempoh itu atau mewakili 3.1 peratus yang menjadikan pegawai pentadbir Melayu dalam MCS sebagai tema dalam cerpen-cerpen mereka. Menurut Nordin (1978:164), mereka ini menjadi sumber ilham kepada cerpenis Melayu kerana semasa itu dasar Malayanisasi dalam perkhidmatan awam mula dilaksanakan dengan kouta dalam setiap lima orang, mesti empat orang Melayu. Oleh itu golongan ini menjadi lambang kemajuan orang Melayu dan kepada mereka juga orang Melayu meletakkan harapan yang begitu tinggi. Daripada 41 buah cerpen yang tersiar, hanya tiga sahaja mempamerkan imej positif, manakala yang lainnya digambarkan sebagai pegawai yang lupa daratan, rasuah, rosak akhlak, tidak amanah, membiarkan anak-anak mereka bergaul secara bebas dan terlalu mengejar kebendaan. Oleh itu Nordin (1978:178) merumuskan bahawa golongan ini telah hilang nilai-nilai ketimuran akibat pengaruh Barat yang melampau sehinggakan orang Melayu tidak berhenti bertanya: 'di manakah letaknya untung dan di manakah letaknya rugi' kehadiran kelompok ini dalam masyarakat Melayu secara keseluruhan.

Tidak seperti kajian Khasnor dan Nordin yang terbatas kepada kelas menengah pentadbir Melayu, kajian Scott (1968) melibatkan kumpulan yang sama, tetapi termasuk kaum bukan Melayu. Kajian ini yang dibuat untuk keperluan ijazah Ph.D dalam bidang sains politik di Universiti Yale tahun 1968 bertujuan untuk mengkaji ideologi dan pandangan politik kumpulan pentadbir bagi melihat asas-asas yang sesuai untuk perkembangan nilai demokrasi dalam sebuah negara yang baru merdeka. Kajian Scott melibatkan hanya 17 orang pegawai kanan kerajaan Divisyen Satu yang dipilih daripada Senarai Pegawai Persekutuan, 1964. Mereka adalah 10 pegawai Melayu, 4 India dan 3 Cina yang berumur di antara 20 dan 54 tahun. Sembilan orang daripada-

nya pernah mencapai pendidikan tinggi (termasuk lima lulusan universiti), manakala lapan orang lagi hanya mendapat pendidikan sehingga di peringkat menengah. Kajian ini dilakukan melalui kaedah temubual dan soal selidik secara intensif.

Dalam kajian ini, Scott mentakrif ideologi sebagai ‘satu kesatuan pemikiran, sikap dan nilai-nilai yang membentuk pemikiran seseorang tentang manusia dan masyarakat’ (Scott, 1968:31). Menurut beliau, takrif ini agak berbeza dengan konsep demokrasi yang biasa difahami dalam ideologi Barat. Melalui takrif dan kaedah pengujian yang dilakukan, Scott berharap dapat memahami dengan lebih mendalam kepercayaan dan ideologi yang dianuti oleh kumpulan elit pentadbir ini. Menurut Scott, walaupun kumpulan elit pentadbir ini berpendidikan Inggeris dan menganuti nilai-nilai Barat, tetapi mereka berasal di kalangan rakyat tempatan. Latar belakang ini dikatakan telah mewujudkan jurang di antara mereka dengan rakyat di peringkat bawahan. Namun sebagai sebuah negara baru, kumpulan elit pentadbir ini memikul tanggung jawab besar untuk merancang dan melaksanakan pelbagai rancangan pembangunan negara. Disebabkan tugas dan tanggung jawab yang besar ini, maka kepercayaan dan ideologi yang mereka anuti sangat penting dalam menentukan arah haluan dan masa depan negara (Scott, 1968:16-17). Dalam kajian ini, Scott mendapati di sebalik keyakinan elit pentadbir itu kepada idea dan nilai-nilai demokrasi, mereka berpendapat bahawa demokrasi liberal di Barat tidak begitu sesuai di Malaysia. Sebaliknya demokrasi terpimpin dianggap lebih sesuai kerana seiring dengan kepercayaan dan pengalaman yang mereka pernah lalui di Malaysia, serta latar belakang sejarah negara yang sentiasa diselubungi oleh bayang-bayang ketegangan kaum seperti semasa pendudukan Jepun, darurat dan konfrontasi dengan Indonesia (Scott, 1968:250). Oleh itu Scott merumuskan bahawa elit pentadbir di Malaysia tidak

cenderung untuk menyokong demokrasi liberal di Barat, tetapi lebih berminat kepada demokrasi terpimpin yang dianggap lebih sesuai. Ini kerana mengikut Scott, kumpulan elit pentadbir sebagai golongan yang berpendidikan, menguasai kemahiran teknikal dan berpengalaman dalam mentadbir sentiasa diletakkan harapan yang tinggi oleh rakyat untuk memimpin. Sebaliknya pemerintahan yang berasaskan sokongan popular boleh memusnahkan negara kerana wujudnya permusuhan perkauman yang masih menebal di kalangan rakyat (Scott, 1968:251-252). Walaupun kajian Scott memberi sumbangan dari segi teori, tetapi sampel kajiannya terlalu kecil untuk dibuat rumusan sebagai mewakili keseluruhan kelas menengah pentadbir. Malah kajian tentang sikap politik dan ideologi sahaja tidak memadai untuk mendedahkan pelbagai perkara tentang tingkah laku kerana terdapat banyak kekurangan di antara sikap dan tingkah laku. Scott juga mengakui bahawa hubungan di antara sikap dan kepercayaan memang bermasalah kerana tingkah laku tidak boleh diramalkan melalui kepercayaan semata-mata. Di sebalik kekurangan itu, kajian Scott amat bermakna dari segi kefahaman tentang kepercayaan politik dan ideologi, serta implikasinya kepada demokrasi di kalangan elit pentadbir, terutamanya peringkat awal kemerdekaan.

Kajian William R. Roff (1967 – edisi kedua 1994) mengaitkan asal usul kebangkitan dan perkembangan nasionalisme Melayu di Tanah Melayu dengan kelas menengah Melayu di kalangan golongan intelek yang muncul sebelum Perang Dunia Kedua. Kajian ini yang disifatkan oleh Profesor Harry J. Benda sebagai sebuah karya sejarah sosiologi yang pertama tentang masyarakat Melayu moden (lihat 'Kata Pengantar' dalam Roff, 1994:ix) pada asalnya merupakan tesis Ph.D dalam bidang sejarah di Australian National University pada awal tahun 1960-an. Sumber utama kajian ialah berasaskan rekod-rekod rasmi yang belum dan telah diterbitkan, akhbar,

majalah, buku dan temubual. Dalam kajian ini, Roff meneliti peranan tiga golongan intelek Melayu yang berbeza dari segi asal usul sosial, orientasi pendidikan, budaya dan politik dalam mencetuskan kesedaran kebangsaan di kalangan orang Melayu, iaitu golongan elit aliran pendidikan Arab, Melayu dan Inggeris. Perjuangan golongan elit berpendidikan Arab ditujukan untuk membawa perubahan dalam pemikiran orang Melayu supaya seiring dengan ajaran al-Quran dan hadis. Golongan elit berpendidikan Inggeris menggunakan peluang dalam sistem pentadbiran dan perundangan untuk memperjuangkan kepentingan orang Melayu, manakala golongan elit berpendidikan Melayu yang datang daripada masyarakat bawahan dilihat lebih radikal dalam corak perjuangan mereka. Apa yang signifikan di antara tiga kumpulan ialah kemampuan elit berpendidikan Inggeris untuk menggunakan setiap ruang seperti hubungan rapat dengan istana dan penjajah British, serta pendidikan Barat yang diperolehi sehingga mereka muncul sebagai kelompok elit yang dominan dalam perjuangan nasionalisme Melayu. Golongan ini juga yang kemudiannya menjadi teras dalam pucuk pimpinan UMNO dan mengambil alih pemerintahan negara selepas merdeka.

Selain Roff, kajian Tham Seong Chee (1977) turut menyentuh kelas menengah Melayu. Dalam kajian ini, Tham meneliti arus pemodenan yang melanda masyarakat Melayu dari sudut budaya dan nilai orang Melayu melalui sastera lama dan baru, termasuk pantun dan bidalan Melayu. Kajian ini yang berpandukan pendekatan psiko-sosial mengajukan pandangan teori tertentu tentang pola hubungan budaya dan usaha ekonomi dalam proses pemodenan, serta membuat perbandingan di antara kelas menengah Melayu dengan kelas menengah Cina. Bagi Tham, kelas menengah Melayu muncul hasil daripada perubahan sosial yang berlaku akibat proses pemodenan dan bukannya berkembang secara semulajadi. Beliau mengandaikan faktor budaya amat

penting dalam menentukan pola pekerjaan dan sikap ekonomi sesuatu kelompok dan ketiadaan ideologi keusahawanan dianggap sebagai sebab tidak berkembangnya kelas pengusaha di kalangan orang Melayu. Manakala bagi orang Cina, seiring dengan latar belakang mereka sebagai kelompok imigran di Malaysia, mereka tidak mempunyai sistem status yang *established* untuk mengejar kuasa, kekayaan dan prestij. Justeru itu, mereka lebih menekankan kepada nilai-nilai egalitarian dan pencapaian. Tham juga mempersoalkan tindakan kerajaan menggunakan saluran politik dan birokrasi untuk mewujudkan golongan usahawan di kalangan orang Melayu. Usaha sedemikian bukan sahaja tidak mampu memupuk semangat berdikari yang dianggap penting dalam bidang keusahawanan, malah boleh menambahkan lagi pergantungan orang Melayu kepada kerajaan dan tidak menyumbang dalam memupuk nilai-nilai yang dapat mendorong kepada kejayaan keusahawanan. Bagi Tham (1977:254), kelas usahawan di kalangan orang Melayu hanya boleh dibentuk melalui perubahan idea atau pegangan tradisional mereka tentang konsep pencapaian, dan tidak dengan bersandarkan kepada peranan dan campur tangan kerajaan.

Berbanding kajian tahun 1970-an yang lebih menjurus kepada kelas menengah pentadbir, kajian dan penulisan selepas tahun 1980-an bukan sahaja mula meneroka bidang yang lebih luas, tetapi turut menekankan perbincangan dari segi konsep dan teori. Kajian dan penulisan ini cuba meneliti beberapa persoalan yang berkaitan, serta mempunyai hubungan dengan kelas menengah. Ini termasuklah proses transformasi sosial ke atas masyarakat selepas perubahan struktur ekonomi dan peralihan ke sektor perindustrian yang membawa kepada kemunculan kelas menengah, kesedaran politik kelas menengah, gaya hidup, pemodenan budaya, asal usul sejarah yang mencorakkan kemunculan dan pertumbuhan kelas-kelas ini, serta konsep dan model teoritis

yang sesuai untuk menjelaskan atau menjadi panduan dalam mengkaji fenomena kelas menengah di Malaysia. Kebanyakan persoalan ini masih belum lagi diterokai dalam kajian dan penulisan yang terdahulu.

Satu isu yang sering ditimbulkan di kalangan sarjana ialah kesukaran untuk mendapatkan persetujuan umum tentang konsep 'kelas menengah' itu sendiri. Ini kerana ramai sarjana mengakui bahawa konsep 'kelas menengah' itu sememangnya bermasalah, sukar diberi definisi yang tepat (Kahn, 1996a:50 dan Jomo, 1999:126), serta sempadannya sukar dipastikan (Abdul Rahman Embong, 2000:92). Mereka juga agak lebih berhati-hati apabila menggunakan ungkapan 'kelas menengah baru' kerana istilah *baru* di sini tidak bermaksud sesuatu yang sebenarnya baru kerana sesetengah kategori pekerjaan kelas menengah seperti doktor, pentadbir dan pengurus, walaupun bilangannya kecil, tetapi sudah wujud sejak zaman penjajah lagi (Jomo, 1999:128).

Oleh kerana tiada kesepakatan tentang bagaimana untuk mendekati persoalan kelas menengah di Malaysia, maka ada sarjana yang membuat perhitungan secara kasar. Crouch (1984) misalnya membuat perkiraan mudah dengan melihat keupayaan memiliki kereta dan televisyen sebagai petunjuk bagi mengukur pertumbuhan kelas menengah di Malaysia. Menurut beliau, pemilikan kereta untuk setiap isirumah meningkat daripada 14 peratus pada tahun 1970 kepada 33 peratus pada tahun 1980 yang mencerminkan bahawa semakin ramai anggota kelas menengah yang memiliki lebih daripada satu kereta. Selain itu, taburan pemilikan televisyen juga bertambah daripada 12 peratus kepada 67 peratus bagi tempoh yang sama (Crouch, 1984:25). Oleh itu beliau menganggarkan bahawa kelas menengah di Malaysia berada dalam lingkungan 24 peratus daripada jumlah tenaga kerja tahun 1980 (Crouch, 1985:31).

Beberapa orang sarjana lain seperti Saravanamuttu (1989) menggunakan kaedah Giddens sebagai petunjuk kemunculan kelas menengah di Malaysia.²³ Melalui pendekatan ini, Saravanamuttu (1989) membuat rumusan secara kasar dan operasional bahawa kelas menengah di Malaysia boleh dianggap sebagai pekerja bukan buruh dan petani, iaitu pekerja dalam kumpulan profesional dan teknikal, pentadbiran dan pengurusan, perkeranian, pekerja jualan, serta separuh daripada pekerja perkhidmatan. Saravanamuttu menganggarkan daripada 6.2 juta tenaga pekerja di Malaysia pada tahun 1986, kelas menengah berada dalam lingkungan 2.3 juta orang. Dari segi taburan mengikut kaum, berasaskan statistik keanggotaan golongan profesional yang semakin bertambah sejak awal tahun 1980-an, beliau berpendapat ketiga-tiga kaum terbesar (Melayu, Cina dan India) mempunyai saiz kelas menengah yang besar, walaupun peratusan kaum dalam kelas menengah tidak seiring dengan taburan kaum di Malaysia. Ini bermakna setiap kaum mempunyai wakil dalam kelompok kelas menengah di Malaysia (Saravanamuttu 1989:110-111).

Kahn (1991 & 1996a) mengkritik cara yang digunakan oleh Saravanamuttu. Menurut beliau, konsep kelas menengah tidak harus dilihat dari sudut hubungan pengeluaran, atau modal budaya semata-mata. Sebaliknya konsep itu perlu didefinisi dengan merujuk kepada proses pembentukan negara moden dalam kedua-dua keadaan, iaitu sebelum dan selepas penjajahan (Kahn, 1991:56). Persoalan yang cuba ditekankan oleh Kahn ialah kepentingan sumbangan pemerintah dalam perluasan dan pembentukan kelas menengah di Malaysia. Mengikut beliau, pembentukan kelas menengah di Malaysia sebenarnya tidak terlalu bergantung kepada perubahan permintaan modal, sebaliknya kepada kemunculan dan peranan negara moden.

Kategori kelas menengah seperti yang ditakrif oleh Saravanamuttu itu sebenarnya tidak mengambil kira kumpulan yang bekerja sendiri, usahawan swasta atau pekerja peringkat pertengahan perusahaan swasta, tetapi hanya tertumpu kepada pekerja dalam sektor kerajaan. Kahn berpendapat bahawa mengiktiraf peranan pemerintah di sini amat penting kerana dalam kes di Malaysia misalnya, pemerintah yang memainkan peranan utama dalam menggalakkan berlakunya proses transformasi ekonomi yang menghasilkan pembentukan kelas menengah (Kahn, 1996a:24-25).

Abdul Rahman Embong (1996) sambil bersetuju dengan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Saravanamuttu dan Kahn berpendapat kedua-dua mereka telah memberi tumpuan yang berlebihan sehingga mengabaikan aspek yang lain, terutamanya tentang persoalan: ‘apakah tekanan dari sudut pensejarahan yang sebenarnya menyumbang kepada perluasan kelas menengah di Malaysia?’. Saravanamuttu dikatakan terlalu menumpukan kepada pembangunan kapitalis, tanpa memberi pengiktirafan yang sewajarnya terhadap kepentingan peranan negara berideologi pembangunan (*developmentalist state*), dan kesannya kepada politik kelas menengah. Kahn pula didapati terlalu menekankan kepada peranan pemerintah dan menolak hubungan pengeluaran kapitalis. Bagi Abdul Rahman Embong, kedua-duanya, iaitu hubungan pengeluaran kapitalis dan peranan negara berideologi pembangunan sangat penting dalam pembentukan dan perluasan kelas menengah di Malaysia. Beliau berpendapat berasaskan pengalaman di Malaysia, di samping hubungan pengeluaran kapitalis dan peranan pemerintah, aspek budaya (seperti latar belakang pendidikan, gaya hidup dan ciri-ciri budaya) perlu ditekankan dalam mengkonseptualisasikan kelas menengah sebagai usaha untuk menggariskan kedudukan menengah dalam kelas yang lain.

Satu lagi isu yang menarik perhatian ramai sarjana ialah kesedaran politik di kalangan kelas menengah. Oleh kerana ciri-ciri kepelbagaian kaum semakin jelas dilihat di kalangan pelbagai lapisan kelas dalam masyarakat, adakah ini bermakna keadaan yang sama juga berlaku kepada kelas menengah? Adakah penglibatan kelas menengah dalam politik di sebuah negara bercorak autoritarian seperti di Malaysia masih memperlihatkan tonjolan perkauman atau sudah melintasi garis kaum, khususnya dalam isu-isu yang lebih bersifat sejagat seperti demokrasi dan hak asasi manusia? Persoalan ini telah menimbulkan perdebatan yang menarik di kalangan ramai sarjana sehingga menghasilkan pelbagai pendapat yang berbeza. Kebanyakan pendapat itu dapat dirumuskan ke dalam empat kategori. Sarjana seperti Crouch (1984, 1993 dan 1996) dan Kahn (1992 dan 1996b) berpendapat bahawa kelas menengah di Malaysia tidak mempunyai peranan dalam proses politik, atau halatuju mereka dalam politik masih belum begitu jelas. Sebaliknya Saravanamuttu (1989, 2001a dan 2001b) dan Maznah Mohamad (2002) menghujah bahawa kelas menengah sudah mula memperlihatkan peranan yang tersendiri dalam proses politik. Sebaliknya Ishak Shari dan Jomo K.S. (1984), serta Mohd Nor Nawawi (1991) bukan sahaja berbeza pendapat dengan Saravanamuttu dan Maznah, tetapi menekankan bahawa persaingan politik telah mengukuhkan lagi perasaan perkauman di kalangan kelas menengah. Abdul Rahman Embong (2001) dan Francis Loh Kok Wah (2002) pula meneliti di luar batasan politik untuk mengkaji gaya hidup dan konsumerisme kelas menengah sebagai usaha untuk menjelaskan tingkahlaku politik dan sosial kelompok berkenaan.

Crouch menolak penglibatan kelas menengah dalam politik kerana kelompok ini sedang berkembang dan menikmati kemewahan hidup, akibat pertumbuhan pesat ekonomi. Oleh itu mereka lebih cenderung untuk mempertahankan *status-quo* yang

ada dan terus menyokong kerajaan sebagai menghargai kemakmuran ekonomi yang dinikmati (Crouch, 1984:27). Menurut beliau, perkembangan ekonomi yang pesat membolehkan kerajaan memenuhi aspirasi dan keperluan kebendaan kelas menengah, dan ini seterusnya 'memaksa' mereka untuk terus memberi sokongan kepada kerajaan. Crouch juga menghujah bahawa pertumbuhan pesat kelas menengah Melayu tidak membantutkan perkembangan kelas menengah bukan Melayu. Namun perkembangan itu mungkin berlaku lebih cepat, jika kerajaan tidak mengambil langkah-langkah khusus untuk meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam sektor pekerjaan kelas menengah (Crouch, 1993:142). Bertentangan dengan apa yang diharapkan, perubahan struktur kelas, kemunculan dan perluasan kelas menengah di Malaysia tidak berlaku seiring dengan desakan yang kuat ke arah proses pendemokrasian seperti yang berlaku di Korea Selatan dan beberapa negara lain di Asia.²⁴ Mengikut Crouch, walaupun pada zahirnya evolusi struktur kelas di Malaysia sepatutnya telah mencapai ke satu tahap yang diharap dapat mengukuhkan lagi ciri-ciri demokrasi dalam sistem politik, tetapi keadaan itu tidak berlaku. Ini kerana kelas menengah tidak dapat membentuk satu kesepaduan tenaga yang kuat untuk bergerak secara serentak disebabkan setiap kelas dibahagikan mengikut garis kaum. Oleh itu adalah lebih sesuai untuk mengkaji kelas menengah menurut perspektif kaum masing-masing (Crouch, 1996:194).

Bagi Kahn, bukanlah sesuatu yang mustahil jika kelas menengah didapati tidak berperanan dalam 'menyemarakkan' idea-idea seperti demokrasi. Mengikut beliau, kelas menengah di Malaysia, terutamanya orang Melayu lebih bercirikan kesedaran etnik sehingga mereka dilihat terlalu memberatkan usaha-usaha ke arah penekanan imej dan identiti Melayu itu sendiri (Kahn, 1992:164-165). Menurutnya penglibatan anggota kelas menengah Melayu secara aktif dalam pembinaan budaya dan etnik

menyebabkan mereka mengabaikan agenda modenisme yang lebih penting seperti demokrasi. Malah mereka juga dikatakan tidak mempunyai sebarang agenda modenisme secara khusus kerana semuanya ‘ditolak daripada atas’ (Kahn, 1998:90). Oleh itu bagi Kahn, jika kita ingin meneliti isu ‘kesedaran kelas menengah’, maka kita perlu memahami keadaan persekitaran di mana sesuatu kelompok kelas menengah bergiat atau menangani isu-isu yang berkaitan dengan mereka (Kahn, 1996b:29).

Sementara itu Saravanamuttu, walaupun beliau bersetuju dengan Crouch bahawa kelas menengah di Malaysia sedang menikmati ‘kemewahan’ berdasarkan andaian bahawa ungkapan itu adalah sesuatu yang relatif, tetapi beliau berpendapat konsep itu tidak dapat memberi gambaran yang tepat tentang ‘kemakmuran’ yang dinikmati oleh kelompok berkenaan. Sambil menyebut kelas menengah di Malaysia adalah kelas ‘senang’ dan bukannya kelas ‘susah’, Saravanamuttu menolak hujah bahawa kelompok ini memberi sokongan padu kepada pemerintah. Malahan mereka juga dikatakan pernah melahirkan sikap ‘anti-establishment’ dengan menyokong parti pembangkang seperti PAS dan DAP, berdasarkan undi popular yang diraih oleh kedua-dua parti itu dalam pilihan raya umum tahun 1986.

Mengikut Saravanamuttu (1989:112), walaupun kelas menengah Melayu dan bukan Melayu tidak bangkit serentak secara terbuka dalam menyuarakan penentangan mereka, tetapi tindakan politik seperti itu dilakukan secara halus atau melalui saluran yang tidak formal. Beliau turut membidas kritikan Kahn (1996b:23) yang menolak tesis kelas menengahnya kerana kelas menengah tidak bangkit secara serentak dalam memperjuangkan agenda demokrasi di Malaysia. Menurut Saravanamuttu, beliau tidak bermaksud wujudnya keadaan sedemikian, tetapi bukti-bukti empiris menunjuk-